

20/11/1997

Penuntut PJJ dianaktirikan

Mahasitua

KAMI adalah penuntut Pendidikan jarak jauh (PJJ) Universiti Putra Malaysia (UPM), Kampus Bintulu mewakili pegawai pendidikan. Pada 19 dan 22 September lalu, kami terpaksa memohon cuti tanpa rekod untuk menghadiri peperiksaan semester 1.

Apa yang ingin diutarakan di sini ialah kami dikenakan cuti tanpa gaji. Secara kebetulan, pada hari itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan 'Darurat jerebu.'

Kami yang terpaksa dikenakan cuti tanpa gaji itu sama membuat hari gantian sekolah untuk darurat itu. Keadaan ini menunjukkan betapa pegawai di sektor pengurusan perkhidmatan pendidikan tidak prihatin terhadap perkembangan semasa.

Kami juga tidak puas hati kerana cuti tanpa rekod tidak diberi pada hari bekerja untuk perjalanan menghadiri peperiksaan itu.

Sepatutnya pihak berkenaan memberi cuti tanpa rekod 30 hari seperti yang terkandung dalam surat pekeliling JPA (L)S.4.06/3/kit.3/(10) termasuklah untuk menghadiri/perjalanan peperiksaan memandangkan kami menggunakan masa sehari untuk ke destinasi berkenaan dari Kuching.

Perlu diingat, penuntut PJJ kebanyakannya berkeluarga dan tidak mampu menggunakan kapal terbang untuk perjalanan yang pantas.

Dimanakah seruan pendemokrasian pendidikan? Walaupun peluang terhidang, realitinya sekatan masih menjadi dilema mahasitua.